

FPP BizNewz

eISSN 2600-9811

June - November 2021

INVESTMENT MANAGEMENT ECONOMICS MARKETING TECHNOLOGY

MERDEKA

EKONOMI 2021

ANXIETY DISORDER

Jangan Ambil Mudah

Do We Look Older Or Younger Than We Really Are?

SOLAH

A Testimony of Success

MUSLIM FRIENDLY TOURISM

The Promising Tourism Segments For Malaysia

To Online Or Not?

JEBAT Si Maine Coon

Photo by Polina Kuzovkova on Unsplash



CABARAN PENGUSAHA SONGKET KETIKA PANDEMIK COVID-19

Nor Hamiza Mohd Ghani
Fakulti Pengurusan dan Perniagaan,
UiTM Cawangan Terengganu



Sebut sahaja songket, pasti ramai yang sudah tahu bahawa fabrik ini berasal dari negeri Pantai Timur iaitu Terengganu. Tenunan songket yang indah dengan pelbagai corak eksklusif biasanya digunakan di dalam majlis-majlis tertentu bagi sesetengah peminat songket. Dikenali sebagai “ratu segala fabrik” maka tidak hairanlah tenunan songket menjadi pilihan hati masyarakat sepanjang zaman. Walaupun terdapat persaingan sengit dengan songket import India, Pakistan dan tenunan mesin namun keaslian songket Terengganu masih lagi diburu oleh penggemar setianya.

Kini sudah setahun lebih negara kita dilanda wabak Covid-19. Banyak perniagaan dan juga industri yang lain terkesan akibat kemunculan wabak ini serta menjadi risiko. Segala program, majlis atau acara tidak boleh dilaksanakan sepanjang tempoh pandemik ini. Pemberhentian sementara beberapa sektor perniagaan sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) disusuli Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) bertujuan membendung penularan pandemik telah memperlambatkan operasi perniagaan. Akibatnya, pelbagai golongan terjejas dari segi pendapatan, pekerjaan, emosi dan juga mental. Banyak

jenis perniagaan terkesan dan semestinya mereka yang bergelar usahawan juga tidak lari dari pelbagai masalah mengenai perniagaan masing-masing.

Tidak ketinggalan pengusaha songket turut terkesan dengan pandemik Covid-19 ini. Kebanyakan pekerja dalam bidang tenunan songket melibatkan ramai pekerja wanita iaitu surirumah. Mereka sangat bergantung kepada pendapatan sebagai penenun songket memandangkan pekerjaan ini membolehkan mereka bekerja dari rumah dan tidak perlu meninggalkan anak-anak demi menambah pendapatan keluarga. Sebagai penguasaha songket dan majikan, mereka perlu memastikan sentiasa ada permintaan terhadap songket bagi memastikan aliran tunai sentiasa bergerak bagi menampung bayaran upah kepada pekerja.

Dalam proses pembuatan songket, ia memerlukan penggunaan benang yang banyak. Cabaran yang terpaksa dipikul oleh pengusaha songket adalah sukar mendapatkan bahan asas tenunan seperti benang kapas, benang sutera, benang perak dan benang emas sintetik yang diimport dari negara China. Semasa tempoh awal pengumuman PKP pada tahun lepas, ramai peniaga songket terpaksa menunggu hampir sebulan untuk mendapatkan bahan asas tersebut disebabkan oleh PKP dilaksanakan.

Ini menyebabkan proses tenunan terganggu dan menjejaskan pendapatan peniaga dan penenun kerana proses pembuatan untuk menyiapkan sehelai kain songket juga mengambil masa bergantung kepada jenis corak yang ditenun.

Tambahan lagi, cabaran yang dihadapi oleh para peniaga songket dari dulu dan kini adalah persaingan dengan songket tiruan yang menjejaskan pendapatan peniaga. Banyak songket tiruan di jual di pasaran dengan harga yang murah. Seperti yang sedia maklum, harga sehelai kain boleh mencecah beribu ringgit malahan berpuluh ribu ringgit kerana keaslian dan cara pembuatannya secara tradisional. Ini menyebabkan permintaan songket asli semakin berkurangan seterusnya menyebabkan peniaga songket mengalami kerugian. Songket asli yang ditenun haruslah dijaga keasliannya kerana ianya melambangkan warisan tamadun Melayu dahulu kala.

Songket amat sinonim dengan negeri Terengganu. Perlaksanaan PKP, menyebabkan sebarang majlis atau acara keraian tidak dapat diadakan. Oleh itu,

“Dikenali sebagai “ratu segala fabrik” maka tidak hairanlah tenunan songket menjadi pilihan hati masyarakat sepanjang zaman.”



peminat songket tidak dapat menggayakan fabrik tersebut di sebarang majlis. Tambahan lagi, para pelancong juga tidak dapat melancong ke negeri-negeri di pantai Timur. Ini disebabkan oleh pelancong tidak boleh merentas negeri bagi mengelak penularan wabak Covid-19. Kebiasaanya apabila tibanya musim cuti sekolah, negeri-negeri di pantai timur menjadi pilihan pelancong untuk melancong kerana

keindahan alam serta keunikan produk yang terdapat di negeri ini. Banyak tempat menarik yang boleh dikunjungi di negeri Terengganu seperti pulau-pulau, Pasar Payang, pantai-pantai, tempat bersejarah dan banyak lagi. Di samping itu, makanan yang paling popular di negeri ini seperti keropok lekor, nasi dagang, laksam serta kuih-muih selalu mendapat permintaan daripada pelancong luar apabila tiba di Terengganu. Tidak lupa, produk warisan negeri Terengganu iaitu kain tenunan songket yang diperbuat daripada tenunan tangan selalu menjadi pilihan peminat songket.

Sebagai produk warisan, songket turut membantu aktiviti pelancongan kebudayaan serta menyumbang kepada pendapatan negara. Kraftangan Malaysia iaitu salah satu badan agensi kerajaan perlu membantu peniaga-peniaga songket supaya perniagaan mereka terus bertahan sepanjang pandemik Covid-19 ini. Diharapkan keadaan negara Malaysia kembali normal agar semua perniagaan kembali aktif seterusnya mengharmonikan pendapatan negara.

“Cabaran yang terpaksa dipikul oleh pengusaha songket adalah sukar mendapatkan bahan asas tenunan seperti benang kapas, benang sutera, benang perak dan benang emas sintetik yang diimport dari negara China.”



Photo by Polina Kuzovkova on Unsplash